



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 5, No. 3, 2017

ISSN No. 2338-512X

## Dakwah Islam Dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia

Siti Maryam Hanis Hamzah, Muhamad Faisal Ashaari

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mail: maryam\_hanis@yahoo.com; faisal@ukm.edu.my

---

**Abstrak** – *Dakwah Islam sepatutnya bergerak seiring dengan perkembangan Industri perbankan Islam. Ini berdasarkan kepada bahawa sistem perbankan Islam bukan sahaja diterima meluas oleh masyarakat Islam malah dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Keupayaan menarik masyarakat bukan Islam menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan perbankan Islam secara tidak langsung boleh mendekatkan mereka kepada Islam. Artikel ini membincangkan berkenaan dengan dakwah Islam dalam sistem perbankan Islam di Malaysia. Aktiviti Dakwah menerusi perbankan Islam adalah aktiviti keagamaan, kursus-kursus perbankan Islam dan usaha mempromosi produk-produk perbankan Islam serta pengurusan aktiviti Islam dan akta IFSA 2013.*

**Kata kunci:** *Dakwah Islam, Sistem Perbankan Islam di Malaysia*

---

### I. Pendahuluan

Dakwah boleh jadi saluran baru dalam perbankan Islam, apabila dilihat aspek kelebihan dan kekuatan perbankan Islam berbanding perbankan konvensional. Oleh itu, individu yang terlibat dalam sistem kewangan Islam perlu memainkan peranan sebagai pendakwah supaya dakwah dapat berkembang dengan baik dalam institusi perbankan Islam. Selain itu, penerimaan oleh semua lapisan masyarakat dan agama adalah satu kekuatan dan kelebihan untuk memperkenalkan Islam dan mendekatkan mereka kepada Islam. Oleh demikian jika kelebihan dan kekuatan ini digunakan untuk menjalankan dakwah, maka dakwah dapat dilaksanakan dalam sistem kewangan di Malaysia (Mohammad Taqiuddin Mohamad et al. 2012).

Perbankan Islam boleh memainkan dua fungsi secara serentak iaitu selain menyediakan produk serta perkhidmatan perbankan tanpa riba, perbankan Islam boleh juga memainkan fungsi memperkembangkan aktiviti dakwah. Ini kerana jika dikaitkan sepenuhnya perbankan Islam dengan rukun dakwah, perbankan Islam mempunyai keupayaan yang ideal bagi menjadikannya berkesan serta sesuai dijadikan sebagai medium baru pelaksanaan dakwah di Malaysia (Mohd Daud Awang & Joni Tamkin Borhan 2015). Justeru itu, pelaksanaan dakwah Islam dalam sistem perbankan Islam melalui aktiviti Islam yang dilaksanakan.

### II. Dakwah Islam dalam Sistem Perbankan

Dakwah membawa maksud penyebaran maka ia suatu ilmu yang dengannya diketahui seluruh usaha dan percubaan teknikal yang mempunyai pelbagai tujuan untuk menyampaikan Islam kepada manusia dengan segala yang terkandung padanya dari aqidah, syariah dan akhlak (Ahmad Ghallusy 1957). Secara tidak langsung, dakwah merupakan panduan yang sempurna tentang kelakuan manusia dan ketetapan hak dan tanggungjawab (Muhammad Abu Fatah al-Bayanuni 2001). Bertujuan supaya menerima dan mempercayai keyakinan serta menjadikan Islam adalah sebahagian daripada kehidupan. Mendakwahkan keyakinan Islam, menyerukan Iman dan kepercayaan Agama, tidak boleh dengan jalan paksaan atau kekerasan atau dengan tekanan kekuasaan (K.H.M Isa Anshari 1979). Perbankan Islam merujuk kepada satu sistem yang diwujudkan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam yang

berlandaskan hukum syarak. Manakala sistem perbankan Islam pula bermaksud institusi kewangan yang beroperasi untuk mengimplementasikan prinsip ekonomi dan kewangan Islam dalam arena perbankan (Kamal Khir et al. 2008).

Perbankan Islam juga merupakan konsep normatif yang boleh ditakrifkan sebagai pengurusan bank yang bersesuaian dengan sistem nilai Islam (*International Centre for Education in Islamic Finance* 2006). Apabila sesuatu sistem perbankan dianggap sebagai Islam, setiap urus niaganya adalah berasaskan kepada konsep perkongsian untung dan rugi yang didasari oleh ekuiti para peserta. Asas bagi urus niaga tersebut pula konsep perkongsian dengan pelanggan, bukan sebagai penghutang dengan si pembiutang. Dalam erti kata lain, perbankan Islam bukan sahaja terhenti pada prinsip penghapusan faedah (Joni Tamkin Borhan & Hadenan Towpek 2006).

### III. Aktiviti Dakwah

Dalam sistem perbankan Islam di Malaysia, dakwah Islam berlaku secara tidak langsung menerusi dua aktiviti iaitu aktiviti Keagamaan dan kursus perbankan Islam. Aktiviti keagamaan yang dimaksudkan ialah secara umumnya aktiviti yang meliputi kuliah harian, forum-forum bual bicara serta mengedar risalah-risalah kepada staff tentang isu keagamaan dan mengenai hukum-hukum dan fatwa-fatwa baru selain itu terdapat juga aktiviti yang bersifat bermusim bulan puasa seperti menjemput penceramah yang popular dan program kerjasama dengan media massa.

Para informan menyatakan bahawa aktiviti yang mereka lakukan ialah seperti di atas. Ini merupakan aktiviti yang paling kerap diadakan biarpun tiada sebarang pekeliling dari pihak bank Negara mahu pun dalam IFSI, tetapi aktiviti-aktiviti ini tetap dijalankan dan mendapat sambutan daripada staff muslim. Perkara tersebut juga tidak mendapat halangan daripada pihak bank yang utama malah menyediakan tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut, namun begitu penyebaran pemberitahuan tentang aktiviti dilaksanakan perlu disampaikan sekitar staff muslim sahaja. Kuliah agama di pejabat-pejabat sekitar Kuala Lumpur menjadi suatu perkara yang biasa buat masa kini, ini menunjukkan kesedaran dalam aktiviti kerohanian semakin meningkat di kalangan pekerja muslim.

Namun begitu terdapat juga aktiviti keagamaan bersifat lanjutan seperti informan pertama (temubual 2017) menjelaskan disediakan kelas al-Qur'an tujuannya adalah untuk membimbing al-Qur'an dan mengajar mengaji bermula dari asas. Ini merupakan hasil inisiatif dari jabatan syariah bank tersebut. Ini dijelaskan oleh informan 1 (temubual: 2017) penjelasan beliau adalah seperti berikut :

“...kita ada provide, baca al-Qur'an. Kita punya *team* daripada *syariah department* ni buat macam *tutorial group* bimbing baca al-qur'an”. “..Mengajar mengaji *from basic*”.

Ini disokong dengan kenyataan Mohammad Sabran Harun (2013) aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan terdapat dalam bentuk aktiviti harian, mingguan, bulanan dan tahunan dan menurut Aziz Mohd Zin et al. (2006) ia bertujuan memenuhi pembangunan kerohanian meliputi aspek syariah, akidah dan akhlak serta pembangunan keilmuan yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu dan pembangunan fizikal. Contoh aktiviti-aktiviti yang diadakan aspek akidah adalah kuliah kefahaman Islam, kursus memantapkan akidah dan kursus untuk saudara baru. Mohd Fauzi bin Hamat (2002) menjelaskan pegangan akidah mampu membentuk manusia taat dan patuh kepada suruhan dan larangan yang tuhan telah tetapkan. Manakala aktiviti aspek syariah antaranya adalah khemah ibadah saudara kita, seminar fiqah wanita, bengkel pemudah cara pengurusan jenazah dan majlis khutan. Aktiviti-aktiviti dari sudut pembangunan syariah adalah terjemahan akidah yang kuat dan kukuh. Maka hasilnya akan dilihat melalui amalan ibadah, maka akan menghasilkan akidah yang kuat atau lemah (Abd Aziz Mohd Zin et al 2006).

Manakala aspek pembangunan akhlak aktiviti yang dilaksanakan seperti seminar kepimpinan, kempen anakku sayang, kempen cinta masjid, kursus pemurnian ukhuwah dan kursus penghayatan budi golongan kurang upaya. Tujuan pelaksanaannya untuk membangunkan manusia beradab dan berakhlik, Akhlak merupakan asas penting yang dapat membina minda, sahsiah dan peradaban manusia yang tinggi dan mulia. Konsep pendidikan akhlak yang digariskan dalam al-Quran adalah membentuk budi pekerti yang luhur disemaiakan ke dalam jiwa manusia (Hanafi Mohamed 1996). Dari sudut pembangunan ilmu adalah untuk mendidik masyarakat mencintai ilmu aktiviti yang dilaksanakan adalah bimbingan peningkatan mutu bacaan al-Quran, peningkatan ilmu dan teknik berdakwah, bengkel penyediaan khutbah, menerbitkan buletin dan risalah saudara baru, persidangan dan seminar pelbagai lapisan dan lawatan sambil belajar (Abd Aziz Mohd Zin et al 2006).

Seterusnya melalui kursus-kursus perbankan Islam, pihak bank menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan dengan perbankan Islam bagi meningkatkan keupayaan dan pengetahuan staff mereka tentang produk-produk perbankan Islam. Kursus ini diwajibkan kepada semua staff termasuk Muslim dan non-Muslim, ini merupakan aktiviti tahunan bagi setiap institusi perbankan Islam. Secara tidak langsung mereka didedahkan tentang maklumat Islam, melalui kursus tersebut diajar mengenai syariah secara khusus dan memperkenalkan Islam secara umum, dan menjelaskan keperluan kewangan Islam serta dari sudut hukum-hakam dan menjelaskan dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah serta fatwa-fatwa ulama'.

Terdapat juga kursus perbankan Islam disediakan secara berperingkat seperti dijelaskan informan 2 (temubual 2017) setiap staff perlu melalui tiga peringkat iaitu *entry level* maksudnya mula masuk atau menyertai bank, yang kedua *on going assessment* and *awareness* dan yang ketiga *development*. *Entry level* adalah program-program bersifat macam wajib, untuk sesiapa yang menyertai bank lebih kepada induksi. Yang kedua dari segi *on going* adalah taklimat yang berkala kepada semua staff bank berkenaan dengan aspek syariah yang terkini serta telah dikemaskini semua peringkat. Untuk *development*, memang ada di peringkat HR bank Islam dia ada tawaran penyertaan bagi mendapatkan sijil ataupun pengesahan, pengesahan yang berkaitan kewangan Islam yg ditawarkan oleh IFSIM, penyertaan tersebut tidak terbatas kepada muslim, termasuk non-Muslim juga menyertai, terdapat non-Muslim memang lulus cemerlang berbanding muslim itu sendiri. Beliau menjelaskan seperti berikut :

“Secara asasnya di peringkat bank Islam kita boleh bahagikan, yang pertamanya di peringkat *entry level*, *entry level* maksudnya mula masuk atau menyertai bank Islam. *Entry level*, dan kedua *on going* punya *assessment*, *on going* punya *awareness*. Yang tiga lebih kepada *development*. Dalam *on boarding* atau pun *entry level* ni program-program bersifat macam wajib, untuk sesiapa yang menyertai bank lebih kepada *induction*, dalam *induction* program ada modul-modul khusus yang berkenaan tajuk-tajuk seperti fundamental syariah, syariah polisi, syariah governance. So modul-modul tersebut merupakan modul asas tujuannya nak beri penekanan berkenaan aspek syariah kat bank ni, yang mana penekanan tidak khususkan kepada muslim sahaja termasuk non-Muslim tidak ada pengecualian maksudnya. Yang kedua dari segi *on going* ni, yang *on going*, memang kita ada, kita bagi macam satu *briefing* yang berkala kepada satu bank untuk berkenaan dengan aspek syariah yg terkini yg diupdate semua peringkat. Untuk *development* ni, memang kita ada err..di peringkat HR bank Islam dia ada *offer* penyertaan bagi mendapatkan certain sijil ataupun *certifikasi*, *certification* yang berkaitan *Islamic finance* yg di *offer* oleh macam IFSIM so penyertaan dia tak limit pada muslim, ada non-Muslim yang menyertai, dan memang contoh *certification* tu pun ada non muslim memang lulus cemerlang berbanding muslim itu sendiri.

Selain itu informan 3 (temubual: 2017) menjelaskan terdapat tazkirah online dan *e-learning* mengenai kefahaman perbankan Islam dan syariah. Bahan-bahan tersebut dikongsi kepada semua staff sama ada muslim atau non-Musllim. Beliau menjelaskan seperti berikut :

“...kalau kakitangan muslim kita ada kita punya tazkirah secara online, lepas tu, apa tu...kefahaman perbankan Islam, dan jugak syariah atau *Islamic requirement in general* kita letak dalam *e-learning* jugak semua staff muslim, non-Muslim kena *complete* dan kita akan *track* dan kita ada bahan-bahan yang memang kita akan *share* kepada semua kakitangan”.

Kesimpulannya kursus-kursus perbankan yang dilaksanakan adalah wajib bagi setiap pekerja sama ada muslim atau non-Muslim menghadirinya. Kursus yang disediakan oleh pihak bank adalah bersifat tahunan. Pengkaji mendapati setiap kursus yang diadakan mendapat maklum balas yang positif daripada pekerja non-muslim, mereka mampu menguasai dan memahami produk-produk perbankan Islam dengan baik. Kadang-kadang kefahaman mereka tentang produk-produk perbankan melebihi pekerja muslim itu sendiri namun begitu kefahaman mereka tentang Islam hanyalah pada luaran sahaja. Contohnya mereka menghormati bulan Ramadhan sehingga terdapat juga pekerja non-Muslim memakai tudung.

Aktiviti Islam melalui usaha mempromosi produk perbankan Islam kepada pelanggan non-Muslim daripada hasil temubual informan, pengkaji mendapati aktiviti Islam kepada pelangga melalui produk perbankan Islam itu sendiri. Mereka berusaha untuk memperkenalkan kelebihan produk perbankan Islam berbanding konvensional. Oleh itu, dalam usaha tersebut mereka lebih fokus untuk mempromosi produk Islamik dan pujuk pelanggan untuk mengambil produk Islamik. Kini, produk perbankan Islam sudah menjadi pilihan non-Muslim. Informan menjelaskan bahawa pelanggan non-Muslim ramai memilih produk perbankan Islam. Antara pemilihan yang ketara non-Muslim tertarik dengan kempen-kempen yang dibuat contohnya produk deposit dengan kadar keuntungan, kadar keuntungan tersebut mungkin menarik minat. Oleh itu, perkara tersebut memberi peluang untuk menjelaskan tentang produk-produk Islamik. Ini dikukuhkan hasil kajian Fadillah Mansor & Ab.Mumin Ab.Ghani (2009) kadar pulangan yang tinggi dilihat menjadi pilihan utama pemilihan masyarakat bukan muslim terhadap produk perbankan Islam. Produk yang menjadi pilihan masyarakat non-muslim adalah produk berbentuk simpanan dan pelaburan.

Seterusnya Informan 2 (temubual: 2017) menjelaskan cara kami untuk mempromosi produk dengan melantik mengadakan program seperti sahabat bank Islam iaitu kita melantik duta-duta bank Islam yang boleh menerangkan lagi tentang perbankan, kewangan Islam, produk-produk Islamik bukan hanya daripada ustaz-ustaz.

“cara kami buat sekarang ni di antaranya program-program seperti sahabat bank Islam...aaa atau pun kita melantik apa dia panggil duta-duta bank Islam yang boleh menerangkan lagi tentang..

err..perbankan, *Islamic finance*, produk-produk Islamik bukan hanya daripada.. apa.. ustaz-ustaz sahajalah”.

Daripada produk perbankan Islam itu, informan 3 (temubual: 2017) kesesuaian pendekatan dakwah kepada non-Muslim adalah melalui *lisanul hal* iaitu tunjukkan servis yang baik. Beliau menjelaskan seperti berikut :

“Jadi bila nak kata dakwah ni kepada non-Muslim saya rasa di situ *lisanul hal* maknanya sebagai bank Islam dia kena tunjukkan servis yang dikemukakan tu adalah baik. Jadi kalau bank Islam, orang kata tak payahlah paling leceh, paling apa bank Islam habislah *out*. Dakwah pertama dah takde dah..”.

Kesimpulannya aktiviti Islam dalam perbankan kepada pelanggan non-Muslim adalah melalui produk perbankan Islam. Mereka masih bekerja keras untuk memperkenal produk Islamik kepada non-Muslim melalui kempen-kempen dengan menjelaskan perbezaan produk Islamik dan konvensional serta melantik duta memberi penjelasan mengenai perbankan Islam. Aktiviti Islam merupakan salah satu usaha mengembangkan dakwah dalam perbankan Islam. Usaha ini masih perlu dipertingkatkan untuk memperkenalkan Islam kepada pelanggan non-Muslim kerana aktiviti Islam itu masih terhad kepada promosi produk perbankan Islam. Dalam perbankan Islam pendekatan yang sesuai untuk mendekati mereka adalah *lisanul hal* iaitu tunjukkan servis perkhidmatan yang baik.

Secara umumnya, aktiviti Islam melalui aktiviti keagamaan kebiasaannya diikuti oleh staff muslim. Kursus-kursus perbankan Islam yang disediakan oleh pihak bank diwajibkan kepada semua termasuk staff muslim dan non-muslim, aktiviti merupakan aktiviti tahunan yang disediakan. Dakwah Islam kepada Pelanggan non-Muslim melalui usaha mempromosikan produk perbankan Islam .

#### **IV. Pengurusan Aktiviti Islam**

Hasil temubual informan mereka mengakui ada persatuan pekerja Islam. Para informan menjelaskan peranan persatuan pekerja Islam adalah menjalankan aktiviti keagamaan. Mereka akan menguar-uarkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui e-mail. Namun begitu, terdapat juga aktiviti diuruskan oleh jabatan syariah. Sepertimana dijelaskan oleh informan 5 (temubual: 2017), aktiviti Islam yang diadakan diurus oleh jabatan syariah. Beliau menjelaskan seperti berikut :

“Kita tak panggil persatuan, macam kita *department syariah*, ada *department syariah compliance division* yang aturkan program, yang implementkan tu AJK dari *department-department* lain. Staff Public bank mengharapkan Public Islamik menguruskan program-program keagamaan”.

Menurut Berhanundin Abdullah et.al (2016) untuk menjalankan aktiviti kebiasaannya sesebuah organisasi akan membentuk jawatankuasa untuk menyelaras, menggerak dan memantau perjalanan bagi beberapa proses seperti merancang, merangka kerja dan menyusun strategi. Jawatankuasa ini juga diberi tugas menyelaras peranan yang perlu dimainkan oleh setiap agensi yang terlibat supaya tidak berlaku penindanan pelaksanaan. Oleh itu aktiviti yang dijalankan ini memerlukan tenaga untuk menguruskan dan pengurusannya perlu sistematik dalam melaksanakan aktiviti.

Di Malaysia Abd Aziz Mohd Zin et al. (2006) aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan oleh jabatan Agama Islam Negeri dan masjid. Usaha dakwah di Malaysia berkembang pesat dan aktif selepas kemerdekaan pada 1957. Ia bermula dengan gerakan dakwah Antara Institusi kerajaan yang terlibat dalam gerakan dakwah ialah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (1974), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (1960) dan BAHEIS (1968). Selain itu, gerakan yang terlibat dengan dakwah melalui badan bukan kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (1971), Jemaah Tabligh (1950), Persekutuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (1961), Jemaah Islah Malaysia (1990) dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, aktiviti yang dijalankan memerlukan tenaga untuk memastikan aktiviti itu berjalan dengan lancar dan baik. Oleh itu, jelaslah setiap aktiviti dakwah yang dilaksanakan memerlukan penggerak bagi menjayakan misi dakwah yang dijalankan tersebut. Penggerak memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan misi yang dirancang. Malah perlu juga merancang aktiviti-aktiviti mengikut kesesuaian dan keperluan oleh pekerja bank.

#### **V. Aktiviti – Aktiviti Islam dan Akta IFSA 2013**

Di dalam perbankan Islam segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan mesti patuh syariah seperti yang digariskan oleh akta IFSA 2013 yang dikeluarkan oleh bank negara Malaysia dan pengawal lesen pasaran. Perbankan Islam mesti patuh IFSA 2013, jika tidak patuh boleh dikenakan penalti sebanyak 25 juta atau pegawai yang berkaitan ahli lembaga

pengarah dan pengurusan kanan 8 tahun dan 25 juta. Seperti dijelaskan informan 2 (temubual 2017) . Beliau menjelaskan seperti berikut :

“...Hong Leong Islamic bank adalah bank Islam berlesen di bawah bank Negara Malaysia.. err...semua bank Islam berlesen/ *liscence Islamic bank* dia kena patuh/compliance dengan akta IFSA (Islamic Finance Services Act Definition) err...dan juga akta-akta lain yang berkaitan dan juga ..err...garis panduan- garis panduan lain, yang dikeluarkan oleh bank Negara dan juga pengawal lesen pasaran atau regulator dari masa ke masa. Jadi bila kata Islamic bank dia kena pastikan semua aktiviti dan juga eer.... Apa tu..perniagaan perbankan ini mesti patuh syariah 100 peratus, dia tak boleh 90 lebih tak boleh dia 100 peratus. Pasal apa, *very clear* amat jelas dalam akta IFSA 2013 mana-mana bank Islam yang tidak patuh dia boleh dikenakan sama ada penalti/*fine* sebanyak 25 juta atau pun mana-mana pegawai... apa tuu..berkaitan ahli lembaga pengarah ke, pengurusan kanan kena penjara 8 tahun. 25 juta, 8 tahun semua kita orang ni hafal sifir tu. Kena pastikan patuh syariah...errr...tapi secara praktiknya lebih kepada..apa tu... operasi perniagaan yg dijalankan oleh bank. Kita akan apa tu.. berpandu atau merujuk garis panduan syariah/standard syariah yang dikeluarkan oleh bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, pasal di bank negara Malaysia dia ada dia punya *Syariah Advisory Counci/Majlis Penasihat Syariah*, dalam bank kita ada jawatankuasa syariah”.

Fakta ini dikuatkan lagi oleh Abdul Hakim Osman (2014) Bank Negara Malaysia telah mewartakan undang-undang untuk perbankan Islam. Yang mewajibkan seluruh institusi perbankan Islam sama ada dari sudut dalaman dan luaran supaya menjalankan aktiviti perbankan Islam mengikut prinsip-prinsip patuh syariah yang telah ditetapkan. *Islamic Financial Services Act 2013* (IFSA 2013) merupakan akta yang menuntut semua aktiviti yang dikendalikan dalam institusi perbankan Islam patuh kepada syariah. Oleh itu, hala tuju, operasi, perniagaan dan aktiviti yang dilaksanakan dalam perbankan Islam mesti patuh Syariah. Institusi Kewangan Islam wajib melaporkan kepada BNM dan *Shariah Committee* jika berlaku didapati aktiviti yang dijalankan melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Oleh itu, tindakan akan diambil jika institusi kewangan Islam melanggar undang-undang yang digariskan oleh BNM. Kelulusan patuh syariah perlu dirujuk kepada jabatan syariah atau *Shariah Committee* tanpa sewenang-wenangnya melakukan apa sahaja tanpa rujukan.

Kesimpulannya Akta IFSA 2013 untuk memastikan hala tuju, operasi dan aktiviti perbankan Islam mematuhi syariah. Namun begitu, tiada panduan dakwah disediakan kepada institusi perbankan Islam. Pengkaji mendapati aktiviti dakwah dilaksanakan berdasarkan beberapa faktor. Faktor-faktor tersebut bank itu dimiliki oleh orang Islam, persatuan pekerja Islam aktif dan pengarah mempunyai semangat Islam yang kuat dan kefahaman Islam yang mendalam.

## VI. Kesimpulan

Aktiviti Islam dalam perbankan Islam melalui aktiviti keagamaan iaitu kuliah harian, forum-forum bual bicara serta mengedarkan risalah-risalah dan kursus perbankan Islam bagi meningkatkan keupayaan dan pengetahuan staff mereka tentang produk-produk perbankan Islam. Aktiviti Islam terhadap staff muslim dan non muslim adalah terhad tidak begitu meluas, pendedahan tentang Islam hanya berkaitan dengan kewangan Islam tidak menyeluruh. Pelaksanaan aktiviti Islam dijalankan oleh pekerja Islam serta terikat dengan akta IFSA 2013. Aktiviti Islam tiada panduan khusus disediakan kepada institusi perbankan Islam.

## Rujukan

1. Abdul Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2006. *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
2. Abdul Hakim Osman. 2014. Pematuhan Syariah di Bawah IFSA dan Cabaran-Cabaran Semasa. Kertas Kerja Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-9. Anjuran Kuala Lumpur Islamic Finance 2014. Kuala Lumpur, 10 November.
3. Ahmad Ghallusy. 1957. *Dakwah Islamiyah Siri 1*. Terengganu: Siri Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
4. Berhanuddin Abdullah, Azli Fairuz Laki, Zawawi bin Yusof & Nor Salimah binti Abu Mansor. 2016. Pelaksanaan Dakwah Kepada Masyarakat Pribumi Sabah Dan Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (12): 70-82.
5. Hanafi Mohamed. 1996. *Falsafah Pendidikan Menurut al-Qur'an*. Kuala Lumpur : Affluent Master Sdn.Bhd.
6. Informan 1. 2017. Usaha-Usaha Dakwah dan Cabarannya di Institusi Perbankan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 6 Februari.
7. Informan 2. 2017. Usaha-Usaha Dakwah dan Cabarannya di Institusi Perbankan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 23 Februari.
8. Informan 3. 2017. Usaha-Usaha Dakwah dan Cabarannya di Institusi Perbankan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 24 Februari.
9. Informan 4. 2017. Usaha-Usaha Dakwah dan Cabarannya di Institusi Perbankan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 1 Mac.
10. Informan 5. 2017. Usaha-Usaha Dakwah dan Cabarannya di Institusi Perbankan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 7 Mac.
11. Informan 6. 2017. Usaha-Usaha Dakwah dan Cabarannya di Institusi Perbankan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur. Temu bual, 13 Mac.

12. International Centre for Education in Islamic Finance. 2006. *Islamic Financial Institutions and Markets*. Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance.
13. Joni Tamkin Borhan & Hadenan Towpek (2006). *Untung dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
14. K.H.M Isa Anshari. 1979. *Mujahid Da'wah*. Bandung: Diponegoro.
15. Kamal Khir, Lokesha Gupta & Bala Shanmugam. 2008. *Islamic Banking: A Practical Perspective*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.
16. Mohammad Sabran Harun. 2013. Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah. Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
17. Mohammad Taquiddin Mohamad, Joni Tamkin Borhan & Mohd Afifuddin Mohamad. 2012. Potensi Perbankan Islam Sebagai Medium Baru Perkembangan Dakwah Di Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 35: 117-142.
18. Mohd Daud Awang & Joni Tamkin Borhan. 2015. Perkembangan Sistem Perbankan Islam di Malaysia 1983-2007. *Umran Journal of Muslim Affairs* 1 : 99-129
19. Mohd Fauzi bin Hamat. 2002. Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah : Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini. *Jurnal Usuluddin* 2 (16): 1-22.
20. Muhammad Abu al-Fatah al-Bayanuni. 2001. *Al-Madkhil Ilmu Dakwah*. Beirut: Mu'assah ar-Risalah Nasyirun.